

# Israel: PM tegaskan pendirian -Malaysia



10 MAR 2000

**J**AKARTA 9 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan menjalin hubungan politik dengan Israel walaupun negara Zionis itu kerap kali cuba memujuk Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, pendirian kerajaan dalam hal ini tidak akan berubah selagi Israel tidak menghormati perjanjian Norway yang mengiktiraf sebuah negara Palestin merdeka.

Beliau berkata, kecenderungan Israel untuk berbaik-baik dengan Malaysia itu kerana negara itu tahu bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara Islam yang paling lantang memperjuangkan nasib rakyat Palestin.

"Bukan sekali tetapi banyak kali Israel memintakita menjalinkan hubungan diplomatik dengan mereka dan banyak kali kita menolak," kata Dr. Mahathir ketika berdialog dengan lebih 400 pelajar dan rakyat Malaysia yang menghadiri majlis ramah mesra bersama Perdana Menteri di Hotel Shangri-la, disini lewat petang ini.

Selain isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, majlis itu turut dihadiri oleh Menteri

Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Paduka Rafidah Aziz; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik dan Duta Besar Malaysia, Datuk Rastam Mohd. Isa.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia sendiri tidak memerlukan Israel termasuk dalam usaha membangunkan ekonominya kerana tanpa Israel pun Malaysia boleh mencapai kejayaan dan rakyat hidup dalam kemakmuran.

"Bagi Israel, sekali kita ketik jari (tanda setuju) mereka pasti datang tetapi kita tidak mahu meninggalkan kesan negatif kepada penduduk Palestin," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengakui bahawa beliau pernah menulis surat kepada pemimpin-pemimpin Israel dan tujuan surat itu adalah untuk menegaskan pendirian Malaysia agar negara itu menghormati perjanjian Norway.

Mengenai lawatan pelajar Israel ke Malaysia, Dr. Mahathir berkata, ia sengaja dilakukan untuk membuktikan kepada mereka bahawa masyarakat Islam boleh hidup harmoni dengan kaum-kaum beragama lain tanpa masalah.

Ketika menjawab pertanyaan mengenai desas-desus Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, akan bertanding dua kerusi tertinggi parti, Dr. Mahathir percaya bahawa Tengku Razaleigh tidak akan berbuat demikian.

Bagaimanapun kata beliau, jika bekas Presiden Semangat 46 itu berhasrat merebut jawatan penting parti, Tengku Razaleigh harus memikirkan kesannya kepada kestabilan dan masa depan UMNO.

"Kita menghormati demokrasi dalam parti tetapi apa gunanya demokrasi jika akhirnya UMNO berpecah-belah dan musnah," tegas Dr. Mahathir.

Lagi pula, jelas Perdana Menteri, beliau bimbang kerana pengalaman UMNO dalam pertandingan terdahulu memperlihatkan ada ahli-ahli lebih sayangkan calon tertentu daripada sayangkan parti.

"Apabila calon mereka kalah, mereka beramai-ramai keluar dari parti dan UMNO tidak dapat menerima perpecahan demi perpecahan setiap kali ada pertandingan," katanya. — *Utusan*